

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

Ketukan gendang Cina dengan nada seirama yang dipersembahkan oleh lima anak muda cacat pendengaran dan pertuturan daripada Kumpulan Deafbeat Malaysia yang bergantung sepenuhnya kepada getaran daripada bunyian gendang serta hafalan gerakan tangan membuktikan seni tidak terbatas kepada individu yang sempurna anggota sahaja.

Tanpa dapat mendengar dan berkata-kata, paluan gendang bergema dalam persembahan bersempena Malam Budaya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Inspirasi 2016 di Dewan Tun Abdul Razak (DECTAR) UKM, Bangi, baru-baru ini.

Persembahan yang menegangkan bakat orang kurang upaya (OKU) itu, membuka mata khalayak untuk lebih menghargai seni budaya dan warisan bangsa yang semakin ditinggalkan.

Persembahan hebat dan penuh bersemangat ketika Kumpulan Deafbeat daripada Pusat Majudiri Y kendalian pertubuhan bukan kerajaan (NGO), YMCA itu beraksi dengan mengenakan pakaian tradisional masyarakat Cina begitu menarik terutama alunan irama serentak dan ketukan pantas yang sinonim dengan muzik gendang Cina.

#### Hebat, tanpa dengar ketukan

Pengurus Deafbeat Malaysia, Morley Ng ketika ditemui *Sastera BH* berkata, bukan mudah untuk OKU cacat pendengaran seperti mereka untuk bermain gendang kerana bukan saja tidak dapat berkomunikasi dengan

Persembahan hebat daripada kumpulan Deafbeat Malaysia



## Muzik hebat insan oku

» Cacat pendengaran, buta bukan halangan buat persembahan pukau penonton

rakan di pentas, bahkan langsung tidak boleh mendengar sama ada ketukan itu sumbang atau tidak.

"Ahli Deafbeat dianggotai kebanyakannya OKU cacat pendengaran, berusia antara 20 hingga 30-an, menunjukkan kesungguhan yang tinggi untuk belajar, dengan tunjuk ajar guru gendang Cina terlatih di samping rajin menonton video persembahan muzik berkenaan di laman Youtube.

"Walaupun serba kekurangan, kebolehan mereka di pentas tidak dapat disangkal hingga dijemput beraksi ke pelbagai festival seni luar negara termasuk di Poland dan Kemboja.

"Mereka bukan saja boleh bermain gendang dalam irama tradisional yang selalu

dipersembahkan pada acara kebudayaan Cina, bahkan turut belajar paluan moden kontemporari bagi disesuaikan perkembangan seni mutakhir," katanya.

Permainan pentas ketika bermain gendang dan memalu secara bersilang paling mempesonakan, terutama kecekapan tangan beraksi sambil mengingat gerak.

#### Kuasai tarian rumit

Ia sekali gus membuktikan dunia seni itu bukanlah bersandarkan kepada bakat semata-mata, tetapi usaha dan kehairahan untuk memartabatkan budaya serta warisan bangsa yang menjadi kunci utama yang perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Selain persembahan Deafbeat Malaysia, turut membuat kemunculan ialah persembahan tarian oleh OKU cacat penglihatan daripada Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB) yang beraksi dalam tarian

kebudayaan India.

Menggunakan kostum tradisional India, keupayaan menghafal lenggok tari yang agak rumit dengan kelajuan muzik dilihat bukan halangan, bahkan jeritan mereka turut kedengaran dalam mengira setiap gerak bagi mengelakkan daripada kehilangan rentak.

Tidak ketinggalan, kemunculan kumpulan muzik dianggotai OKU cacat penglihatan Caliph Buskers yang semakin mendapat tempat dalam industri hiburan tanah air dengan mendendangkan lagu single berunsur kerohanian bertajuk *Hanya Namamu* sebagai penutup acara.

Acara anjuran Eksekutif Kebudayaan dan Warisan, Kolej Ibrahim Yaakub UKM itu turut bermatlamat mengutip derma bagi membantu OKU yang memerlukan, sambil menampilkan bakat besar dalam bidang seni dan kebudayaan.



Kumpulan Caliph Buskers.



Pesembahan tarian daripada ahli Persatuan Orang Buta Malaysia.